



GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM PINJAMAN KOMPUTER PELAJAR IPMA (SKIPMA)

1.0 PENGENALAN

MARA menawarkan Skim Pinjaman Komputer Pelajar IPMA (SKIPMA) bagi membantu pelajar di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) memiliki komputer untuk kemudahan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta kaedah baharu dalam pembelajaran.

2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

2.1 Syarat Umum

- 2.1.1 Pemohon berstatus Bumiputera dan **warganegara Malaysia**.
- 2.1.2 Ibu atau bapa pemohon berstatus Bumiputera dan warganegara Malaysia.
- 2.1.3 Pemohon sedang mengikuti pengajian di IPMA secara **sepenuh masa** bagi peringkat seperti berikut:
 - i. Persediaan / Pra-Universiti;
 - ii. Sijil;
 - iii. Diploma; atau
 - iv. Ijazah Sarjana Pertama (Sarjana Muda).

2.1.4 Had umur bagi pemohon yang layak adalah seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	HAD UMUR TIDAK MELEBIHI
Persediaan / Pra-Universiti	20 tahun
Sijil / Diploma	35 tahun
Ijazah Sarjana Muda	45 tahun

- 2.1.5 Pelajar baharu atau pelajar sedia ada (aktif) yang mempunyai baki pengajian tidak kurang satu (1) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 2.1.6 Pemohon layak memohon satu (1) kali pinjaman komputer bagi setiap peringkat pengajian. Pemohon yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi adalah layak untuk dipertimbangkan pinjaman komputer seterusnya tertakluk kepada pinjaman komputer terdahulu telah diselesaikan.
- 2.1.7 Pemohon tidak mendapat kemudahan pinjaman atau kemudahan komputer daripada mana-mana badan penaja/ pihak lain.
- 2.1.8 Pemohon, penjamin dan penjaga tidak termasuk dalam senarai hitam (*blacklisted*) MARA dan tindakan Undang-Undang MARA.

2.2 Syarat Pinjaman

- 2.2.1 Amaun maksimum pinjaman komputer adalah sebanyak RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja).
- 2.2.2 Penetapan jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada harga sebenar komputer dan tidak melebihi jumlah amaun maksimum.
- 2.2.3 Jenis komputer yang dibenarkan hanya *desktop* dan *laptop* tidak termasuk peranti *tablet* dan telefon mudah alih.
- 2.2.4 Pilihan spesifikasi komputer perlu berdasarkan kepada kursus yang sedang diikuti oleh pelajar.

2.3 Jaminan

- 2.3.1 Pinjaman ini memerlukan seorang penjamin.
- 2.3.2 Syarat-syarat penjamin adalah seperti berikut:
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur 21 tahun dan ke atas;
 - iii. Terdiri daripada : Ibu / Bapa / Penjaga / Ahli Keluarga; dan
 - iv. Pendapatan kasar sekurang-kurangnya RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) sebulan

3.0 PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

- 3.1 Pinjaman ini tidak dikenakan sebarang faedah dan perlu dibayar balik sepenuhnya.
- 3.2 Pinjaman ini tidak layak untuk permohonan pengurangan dan penangguhan bayaran balik.
- 3.3 Bayaran balik pinjaman boleh dibuat sekaligus atau secara ansuran bulanan dalam tempoh 18 bulan. Penyelesaian awal juga adalah dibenarkan.
- 3.4 Bayaran ansuran pinjaman bermula setelah tamat pengajian melalui potongan dari akaun aktif yang telah dipersetujui oleh peminjam.
- 3.5 Pengiraan bayaran ansuran bulanan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Nilai Pinjaman (RM)}}{\text{Tempoh Bayaran Balik (18 bulan)}} = \text{Jumlah Ansuran Bulanan (RM)}$$

- 3.6 Pemohon yang menarik diri atau diberhentikan pengajian atau ditamatkan pengajian adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keseluruhan jumlah pinjaman tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat pengajian.

4.0 CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui pautan <http://aplikasi.mara.gov.my/skip> bermula **01 Ogos 2022 sehingga 22 Ogos 2022**.

- 4.2 Permohonan akan diproses dalam masa **tiga (3) bulan dari tempoh permohonan dibuat**. Sekiranya tiada maklumbalas berkenaan permohonan dalam tempoh tersebut, permohonan dianggap **tidak berjaya**.
- 4.3 Semakan status permohonan boleh dibuat melalui wakil *person in charge* (PIC) di institusi pengajian masing-masing.

5.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung di alamat e-mel seperti butiran dibawah:

e-mel : skipma@mara.gov.my

Skim Pinjaman Komputer Pelajar IPMA (SKIPMA)
Bahagian Penganjuran Pelajaran
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur